

NEGERI DAN PUSAT PERLU SECOCOK — PM

BU 13 APR 1982
PULAU PINANG

Isnin — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad hari ini menegaskan perlunya diwujudkan Kerajaan Negeri "yang secocok" dengan Kerajaan Pusat agar kerjasama antara keduanya "dapat dipermudahkan."

Merasmikan penanaman cerucuk jambatan Pulau Pinang berharga \$744 juta yang akan menghubungkan pulau ini dengan Semenanjung, beliau berkata:

"Kita memerlukan kerjasama erat antara pusat dengan negeri... jika tidak ada kerjasama yang erat segala pembangunan akan terganggu."

Beliau berkata, mungkin ada orang menuduh tidak adil jika Kerajaan Pusat enggan membantu Kerajaan Negeri kiranya ia terdiri dari kumpulan-kumpulan yang lain.

"Soal ini bukan soal keadilan, tetapi adalah soal kerjasama antara golongan dengan golongan."

"Kita tahu, kalau peruntukan diberi kepada golongan yang tidak secocok dengan kita, mereka akan berkata bahawa tidak perlu ada kerjasama yang erat kerana mereka juga dapat bantuan," kata Perdana Menteri.

Beliau berkata lagi, sekiranya Kerajaan Pusat tidak memberi bantuan golongan ini akan menggunakan sebagai satu isu.

"Oleh kerana itu,

Kerajaan Pusat mendapati sukar bekerjasama dengan kerajaan-kerajaan atau wakil-wakil yang terdiri dari golongan yang tidak secocok dengan Kerajaan Pusat," tegasnya.

Beliau berkata, "kita sukar memberi bantuan kerana mereka akan menjadikan segala bantuan tersebut sebagai alat kepentingan diri mereka dan bukan untuk kepentingan rakyat."

Pelajari

"Oleh kerana itu, kita mahu supaya kerjasama antara Kerajaan Pusat dan Kerajaan Negeri dipermudahkan dengan adanya Kerajaan Negeri yang secocok dengan Kerajaan Pusat," tambah beliau.

Terdahulu itu, Perdana Menteri berkata, jambatan \$744 juta tersebut akan memberi peluang kepada rakyat Malaysia mempelajari teknologi dan kemahiran moden untuk membuat bina-raska, seperti jamba-

tan.

Beliau berkata, kemahiran dan teknologi ini perlu bagi negara yang merdeka seperti Malaysia kerana hanya dengan mempunyai kemahiran dan teknologi "kita akan boleh buat semuanya sendiri tanpa bergantung kepada orang lain."

Bila segala ini sudah diperolehi, maka rakyat Malaysia boleh membina jambatan dalam negeri dan juga di luar negeri dengan mendapatkan tender-tender antarabangsa.

Beliau berkata, firma Korea Hyundai Construction and Engineering yang telah diberi tender membina jambatan tersebut bersetuju melatih rakyat tempatan.

Jambatan Pulau Pinang, katanya, bukan sahaja akan merapatkan hubungan antara Pulau Pinang dengan Semenanjung, tetapi juga merupakan "bonus" kepada Malaysia kerana

rakyatnya boleh menimba ilmu.

Datuk Seri Dr. Mahathir berkata, jumlah besar projek jambatan itu ialah \$1,000 juta, termasuk kos pembinaan jalan.

ia menjadi satu kenya-taan kerana adanya kerjasama yang erat antara Kerajaan Negeri dan Kerajaan Pusat, kata beliau.

Tanpa kerjasama seperti itu, sukar bagi kerajaan hendak menyediakan projek-prjek pembangunan.

Beliau juga berkata, beliau sedar ada orang yang berpendapat projek menelan ratusan juta ringgit itu membazir kerana wang yang banyak itu lebih wajar digunakan untuk membina rumah bagi rakyat.

Katanya, Kerajaan Pusat telah mengkaji projek tersebut dengan teliti dan mendapati faedahnya lebih banyak dan ia akan memesatkan lagi pembangunan di Pulau Pinang."